

# Wajib taat pemerintah dalam urusan yang maaruf

**KUALA LUMPUR** - Arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi mencegah penularan wabak coronavirus (Covid-19) wajib ditaati oleh setiap rakyat Malaysia.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahya berkata, ketaatan kepada pemerintah terutamanya dalam urusan yang maaruf amat dituntut agama bagi mencegah kemudaratannya yang lebih besar berlaku di kalangan masyarakat.

“Kawalan pergerakan ini menepati tuntutan agama dan selaras dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud ‘Apabila kamu mendengar berlakunya wabak taun di suatu negeri, maka



**FATHUL-BARI**

janganlah kamu memasukinya dan apabila berlaku dalam negeri kamu berada di dalamnya, maka jangan kamu keluar’,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Fathul Bari turut membidas segelintir agamawan yang mengeluarkan kenyataan mengelirukan dan menghasut masyarakat supaya mengabaikan arahan kerajaan dengan hanya perlu bertawakal kerana tiada penyakit dapat memudaratkan kecuali dengan izin ALLAH.

“Kita tidak mahu disesatkan dengan menyerahkan segala-galanya pada ALLAH tetapi menafikan usaha sehingga akhirnya menyalahkan ALLAH pada setiap musibah,” katanya.